

KELEMAHAN PENGUASAAN BAHASA INGGERIS PERINGKAT UPSR DI
KALANGAN MURID-MURID LUAR BANDAR KAWASAN PEJABAT
PENDIDIKAN DAERAH (PPD) PASIR MAS/TUMPAT. KAJIAN DAN
PENYELESAIAN.

OLEH:

WAN MOHD FARID B. WAN YUSOF	94799214
CHE NAB BT CHE DERIS	95094575
YULAIMI B. CHE SAAT	94803789
MOHD NOR B. JUSOH	94803638

FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN KELANTAN MAC 1999.

**KELEMAHAN PENGUASAAN BAHASA INGGERIS PERINGKAT UPSR DI
KALANGAN MURID-MURID LUAR BANDAR. KAWASAN PEJABAT
PENDIDIKAN DAERAH (PPD) PASIR MAS/TUMPAT. KAJIAN DAN
PENYELESAIAN.**

OLEH:

WAN MOHD FARID B. WAN YUSOF	94799214
CHE NAB BT CHE DERIS	95094575
YULAIMI B. CHE SAAT	94803789
MOHD NOR B. JUSOH	94803638

**Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Pentadbiran Dan Undang-
Undang ITM Cawangan Kelantan sebagai Memenuhi Sebahagian Dari Syarat
Untuk Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam.**

Mac 1999.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Penghargaan	i
Abstrak	vi
BAB 1 – PENGENALAN	
1.1 Kedudukan Bahasa Inggeris Semasa	1
1.2 Ringkasan Masalah Dan Mengapa Penyelidikan Itu Hendak Dijalankan	3
1.3 Objektif Atau Matlamat Yang Hendak Dicapai Melalui Penyelidikan itu	4
1.4 Hipotesis / Andaian	5
1.5 Skop Penyelidikan	6
1.6 Methodologi Penyelidikan	7
1.7 Sekatan Dan Masalah Yang Akan Dihadapi	8
BAB 2 – PERANCANGAN PPD DAN ANALISA	
2.1 Perancangan Tahunan PPD Pasir Mas/Tumpat	9
2.2 Perancangan Dan Implementasi	11
2.3 Aktiviti-Aktiviti Yang Dicadangkan	13
2.4 Keputusan UPSR ✓	25
2.5 Analisa Kajian	26
BAB 3 – FAKTOR-FAKTOR KELEMAHAN	
3.1 Faktor Ibu Bapa Dan Penjaga	30
3.2 Faktor Masyarakat Setempat	33
3.3 Faktor Kemiskinan	34

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. di atas lautan taufik dan hidayahNya yang telah banyak mendorong dan membantu kami menyelesaikan Kertas Projek ini, Alhamdulillah.

Meskipun tidak sesempurna yang diharapkan dan dijangkakan lantaran dalam menyediakan Kertas Projek ini kami terpaksa menghadapi pelbagai rintangan dan halangan samada dalam soal masa, bahan rujukan dan pengumpulan data namun berkat kerjasama yang tidak ternilai harganya dari semua pihak yang kami temui, akhirnya kami dapat menyelesaikan masalah ini.

Dengan itu, di ruangan yang terbatas ini kami dengan ikhlasnya merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pensyarah Kertas Projek 340 En. Mohd Nor b. Shapiin yang terlalu banyak mencurahkan ilmu, panduan, pengalaman beserta dorongan dalam tempoh 2 Semester bermula Mei 1998 hingga Mac 1999. Hasilnya kami berjaya menyiapkan Kertas Projek ini seadanya dengan serba kelemahan dan kekurangan di sana sini.

Selain itu kami juga amat berbesar hati mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih terhadap pertolongan, bantuan dan kerjasama yang telah kami terima daripada agensi-agensi, badan-badan dan institusi-institusi awam dan swasta kerana kami yakin tanpa bantuan dan kerjasama berkenaan adalah mustahil atau amat sukar untuk kami menyelesaikan tugas ini selengkap yang ada.

ABSTRAK

Kajian yang dibuat ini berkaitan dengan tajuk kelemahan Bahasa Inggeris di kalangan murid luar bandar di kawasan PPD Pasir Mas/Tumpat. Zon kajian ialah Zon Meranti yang mana ianya meliputi enam buah sekolah iaitu SK. Lati, SK. Mekasar, SK. Lemal, SK. Dato Hamid 1, SK. Dato Hamid 2 dan SK. Tanjung Chenak. Bahasa Inggeris telah dikenal pasti sebagai punca utama yang menyebabkan kebanyakan murid-murid luar bandar tidak boleh mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan UPSR. Pada umumnya pencapaian Bahasa Inggeris sekolah-sekolah luar bandar agak lemah, tetapi terdapat juga sekolah yang mampu mencatat prestasi yang baik. Dengan demikian maksud kajian ini dibuat adalah untuk mengetahui setakat mana pencapaian Bahasa Inggeris sekolah luar bandar. Ianya juga akan mengesan dan menyelidik faktor-faktor yang menyebabkan sekolah luar bandar agak lemah dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Kajian ini juga bertujuan untuk mengemukakan saranan dan langkah-langkah yang boleh diambil bagi memperbaiki dan mempertingkatkan prestasi Bahasa Inggeris di sekolah rendah amnya dan zon kajian khususnya.

Terdapat beberapa peringkat dalam kajian ini. Untuk permulaan dipaparkan gambaran awal tentang subjek Bahasa Inggeris sekolah-sekolah rendah di negeri Kelantan secara keseluruhan. Begitu juga dengan pencapaian Bahasa Inggeris bagi sekolah-sekolah luar bandar akan turut dinyatakan sebagai perbandingan. Seterusnya kajian akan bertumpu kepada prestasi Bahasa Inggeris di kawasan PPD Pasir Mas/Tumpat. Berikutnya skop kajian diperkecilkan lagi dengan memberi penumpuan khusus kepada pencapaian bagi sekolah-sekolah di dalam zon kajian.